



## SIARAN MEDIA

---

### E-BUKU “PANDUAN PELAPOR MOJO MADANI” DILANCAR

**KUALA LUMPUR, 20 Februari 2024** – Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil hari ini melancarkan e-buku “Panduan Pelapor Mobile Journalism (MOJO) MADANI” sempena sambutan Hari Bersama IPPTAR 2024.

Inisiatif Kementerian Komunikasi menerusi Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) ini bermatlamat untuk meningkatkan kebolehpasaran pengamal media profesional termasuk wartawan warga (*citizen journalist*) yang semakin berkembang bagi pelaporan yang pantas, sahih serta benar.

Sejak penubuhannya pada tahun 1971 hingga kini, IPPTAR berperanan menyediakan perkhidmatan latihan kepada semua pemegang taruh, meliputi sektor kerajaan, swasta, institut pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan. Menerusi Program Latihan 2024, IPPTAR komited mempromosikan *feel good factor* kepada agensi kerajaan dan swasta.

Seiring moto “**IPPTAR UNTUK SEMUA**” (**IPPTAR FOR ALL**), IPPTAR turut berusaha memperluas jaringan strategik untuk melatih pemain industri dan pengamal media agar sentiasa relevan dengan perkembangan semasa.

Buku ini boleh dimuat turun secara percuma menerusi pautan [https://www.ipptar.gov.my/images/flipbook/Buku\\_MOJO/](https://www.ipptar.gov.my/images/flipbook/Buku_MOJO/)

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa dan Pengarah IPPTAR, Roslan Ariffin.

**Dikeluarkan oleh:  
Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak**